

Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Selasa, 1 Ogos 2023



BULAN BAHASA 2023
MERAIKAN BAHASA MELAYU BERSAMA MASYARAKAT

Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) mengalu-alukan penyertaan masyarakat dalam Bulan Bahasa 2023, yang akan berlangsung dari 13 Ogos 2023 hingga 9 Oktober 2023. Tahun ini, Bulan Bahasa kembali dengan kalendar yang padat dengan program-program menarik demi melestarikan bahasa ibunda kita. Pesta ini akan menampilkan pelbagai aktiviti menarik, memaparkan kerjasama masyarakat dan menonjolkan pelibatan pelajar.

Majlis Pelancaran Bulan Bahasa akan ditayangkan pada hari Sabtu, 2 September 2023, 8.30 malam di saluran Mediacorp Suria. Kami mengundang orang ramai untuk menghadiri sesi rakaman program tersebut yang akan berlangsung di Mediacorp, pada hari Jumaat, 11 Ogos 2023. Pendaftaran bagi menghadiri sesi rakaman tersebut hendaklah dilakukan sebelum 7 Ogos 2023 melalui pautan <https://go.gov.sg/bb23launchgen>.

“Kami berterima kasih kepada masyarakat kerana usaha melestarikan bahasa Melayu diteruskan setiap tahun. Hal ini hanya boleh tercapai atas kerja keras dan sokongan rakan-rakan kerjasama, sekolah-sekolah serta para guru. Usaha ini memerlukan kerjasama rapat antara pelbagai badan dan MBMS mengucapkan ribuan terima kasih atas dedikasi mereka. Saya juga mengalu-alukan ahli masyarakat, terutamanya keluarga untuk sertai aktiviti-aktiviti ini kerana ia disediakan untuk menyemarakkan lagi penggunaan bahasa Melayu di mana-mana sahaja, baik di luar bilik darjah mahupun di rumah,” kata Puan Rahayu Mahzam, Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa 2023.

Program yang Disediakan untuk Semua

Program-program Bulan Bahasa terus dianjurkan oleh pelbagai rakan kerjasama masyarakat, kumpulan-kumpulan minat dan sekolah-sekolah untuk pelbagai lapisan masyarakat. Dalam meraikan keindahan dan kekayaan bahasa Melayu, banyak acara yang dianjurkan dengan tumpuan diberikan terhadap kesenian kesusasteraan dan kebudayaan Melayu. Terdapat pelbagai acara menarik yang melibatkan kelima-lima deria, padat tersedia dalam kalendar acara Bulan Bahasa tahun 2023. Acara-acara tersebut akan dijalankan secara fizikal dan juga melalui wadah digital dari 13 Ogos hingga 9 Oktober 2023.



Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Selasa, 1 Ogos 2023

Dekatkan diri anda dengan bahasa melalui bengkel **Berbunga Batik**, oleh **Kamal Arts**. Dalam bengkel lukisan batik ini, peserta akan mempelajari cara melukis jenis bunga-bunga dari rantau ini. Peserta juga akan mempelajari istilah-istilah yang berkaitan dengan warna untuk menerangkan lukisan mereka. Melalui **Bengkel Kartun** oleh **Kamal Arts'** peserta dapat mempelajari cara melukis dan menghasilkan cerita komik dalam bahasa Melayu yang menarik dan berkesan.

Pelajari seni penulisan skrip drama audio dalam **Bengkel Drama Audio** oleh **Panggung Digital**. Dalam bengkel ini, pelajar akan dilatih oleh Encik Saffri A. Manaf untuk menulis skrip-skrip drama audio yang berkesan. Skrip-skrip tersebut akan dimuatnaik ke laman The Vector's Club, yang dibangunkan oleh Teevers Pte Ltd, untuk mereka yang ingin menceburi bidang lakonan suara.

Hayati seni penceritaan kisah-kisah rakyat Melayu melalui tarian Melayu dalam bengkel **Imaginism** oleh **Perkumpulan Seni**. Dalam bengkel ini, beliau ditugaskan untuk meneroka kemahiran dan daya kreatif tarian mereka untuk menyampaikan cerita dan nilai-nilai yang tersemat dalam kisah-kisah rakyat Melayu.

Kenali syair Melayu yang halus dan kaya dengan nilai intelektual dalam bengkel dan persembahan **Tembang Syair Temasek** oleh **Syairpura**. Dianjurkan oleh penggiat seni Afi Hanafi dan Anis Qurratu'aini, program ini akan menarik perhatian peserta melalui persembahan puisi yang sangat merdu.

Ikuti pementasan teater **Jalan Jelajah Jajah** oleh **Keat Hong CC MAEC** yang menampilkan budaya Melayu yang kaya. Pementasan ini mengetengahkan perjalanan seorang anak muda yang terpesona dengan keindahan teknologi dan Kecerdasan Buatan (AI). Atas sebab minatnya dan dorongan gurunya untuk terus menghargai warisan Melayu, beliau cuba pelbagai cara untuk menghasilkan projek yang bermakna.

Nikmati kelazatan masakan Melayu dalam bengkel **Honey Boleh Masak** oleh **Bio Dew Management and Institute**. Melalui bengkel ini, kumpulan pasangan harus menyahut



Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Selasa, 1 Ogos 2023

cabaran menyediakan satu masakan dengan bahan-bahan yang terhad. Kemudian, mereka akan ditugaskan untuk menerangkan hidangan yang disediakan kepada peserta-peserta lain.

Gunakan deria pendengaran serta imaginasi anda dalam bengkel **Lakarkan Bunyian** oleh **Elements Pictures**. Dalam bengkel ini, ibu bapa dan anak-anak mereka akan didedahkan kepada pelbagai jenis bunyi. Selepas itu, mereka harus menggunakan imaginasi serta kosa kata Melayu, untuk melukis apa yang mereka dengar dan menerangkan lukisan mereka.

Sila layari mbms.sg, [@bulanbahasa](https://www.instagram.com/bulanbahasa) di Instagram dan [facebook.com/majlisbahasa](https://www.facebook.com/majlisbahasa) untuk kalendar penuh Bulan Bahasa 2023.

Majlis Pelancaran dan Program yang Ditayangkan di Suria – 2 September 2023

Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2023 akan menampilkan keindahan bahasa melalui kesenian Melayu yang sangat kaya. Tonton saluran Mediacorp Suria pada Sabtu, 2 September 8.30 malam untuk menyaksikan persembahan oleh Duta Bahasa Aqmal N serta kumpulan dikir barat tempatan iaitu Makyong Kedek dan Dang Anom. Muzik juga akan disusun dan diterajui oleh Duta Bahasa, Megat Firdaus.

Penonton juga akan menyaksikan persembahan oleh Anis Qurratu'aini, Afi Hanafi, Suryana Nordin, Puteri Emily dan ramai lagi. Program ini juga akan melibatkan rakan kerjasama Bulan Bahasa seperti Perkumpulan Seni, Orkestra Sri Temasek, Keat Hong CC MAEC, Tampines Central CC MAEC, Kamal Arts dan Rakan Bahasa dari Sekolah Rendah Geylang Methodist dan Sekolah Menengah Deyi.



Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Selasa, 1 Ogos 2023

Duta Bahasa 2023

MBMS melantik Duta Bahasa sebagai pengguna dan pencinta bahasa Melayu. Tahun ini, empat lagi individu telah dipilih berdasarkan penguasaan dan minat mereka terhadap bahasa Melayu, serta pelibatan mereka dalam masyarakat.

1. Afi Hanafi – Penggiat Syair dan Seni Melayu
2. Nursha Ismail –Penerbit dan Penyampai Berita dan Hal Ehwal Semasa
3. Ustaz Nuzhan Halim – Pegawai Eksekutif Masjid dan Ahli Majlis PERGAS dan Pendidik
4. Syafiqah Adha – Ahli Muzik, Komposer dan Pendidik

Sila rujuk Lampiran A untuk maklumat lanjut.

Identiti Kreatif Bulan Bahasa 2023

Identiti kreatif Bulan Bahasa tahun ini menampilkan motif songket serta ikon-ikon yang memaparkan unsur-unsur digital. Warna-warna terang yang sering dilihat pada kain songket dapat dilihat pada tema 'Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita.' dalam identiti kreatif tersebut. Warna ungu yang menjadi warna utama pada tahun ini melambangkan harapan untuk bahasa kita terus berkembang. Elemen-elemen piksel yang terdapat dalam identiti kreatif melambangkan aspirasi untuk terus membina dan meluaskan pengetahuan serta penggunaan bahasa kita.

Sila rujuk Lampiran B untuk perincian identiti kreatif Bulan Bahasa 2023.

Seranta Bulan Bahasa 2023

Identiti kreatif baharu ini akan terlihat dalam seranta Bulan Bahasa 2023. Tahun ini, penanda buku serta fail akan disediakan untuk rakan kerjasama Bulan Bahasa untuk diberikan kepada peserta Bulan Bahasa. Pelekat Whatsapp dan 'filter' Instagram juga disediakan untuk digunakan semasa masyarakat berinteraksi bersama keluarga dan rakan-rakan di alam maya. Untuk mendapatkan pelekat Whatsapp ini, sila kirimkan pesanan anda melalui WhatsApp kepada Sekretariat MBMS di talian +65 8575 6244. 'Filter' Instagram pula boleh didapatkan dari Instagram @bulanbahasa.

Sila rujuk Lampiran C untuk gambar-gambar seranta ini.

Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Selasa, 1 Ogos 2023



Lampiran A: Duta Bahasa 2023

Afi Hanafi



Hanafi Idrus, atau lebih dikenali dengan nama pentasnya Afi Hanafi, merupakan penggiat seni yang mempunyai minat yang mendalam terhadap kesusasteraan Melayu, khususnya syair. Sebagai seorang pencinta seni Melayu, Afi giat mempromosikan bahasa Melayu melalui program-program yang dijalankan bersama masyarakat.

Afi telah mendirikan beberapa kumpulan seperti Orkestra Sri Temasek (kugiran muzik tradisional Melayu dibentuk bersama Duta Bahasa Megat Firdaus), Permaisura (kumpulan koir), dan Syairpura (kumpulan persembahan syair). Afi telah memimpin kumpulan-kumpulan tersebut dengan tujuan untuk menggalakkan lebih ramai anak muda menghargai warisan Melayu.

Afi juga seorang Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Aktiviti Melayu (MAEC) di Kelab Masyarakat Tampines West sejak tahun 2016. Dengan pelibatannya ini, Afi bersama ahli-ahli jawatankuasannya menggalakkan masyarakat untuk menghargai bahasa, seni, dan kesusasteraan Melayu.

Sebagai Duta Bahasa, Afi ingin menyebarkan kesedaran terhadap kesusasteraan dan kesenian Melayu kepada belia.

Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Selasa, 1 Ogos 2023



Nursha Ismail



Nursha Ismail merupakan seorang penerbit dan penyampai berita serta rancangan ehwal semasa di Berita Mediacorp. Selain menyampaikan buletin Berita, Nursha juga menerbit dan menjadi penyampai program-program ehwal semasa seperti 'Lensa' dan 'Detik Personaliti'. Nursha memulakan kerjaya dalam dunia penyiaran sebagai penerbit dan hos radio di WARNA 94.2FM dan pernah di radio. Selain mengendalikan forum, beliau juga terlibat dalam pelbagai liputan peringkat nasional dan antarabangsa.

Tugasnya ini membolehkan Nursha untuk sentiasa dekat dengan bahasa Melayu dan dapat memahami serta mengenali masyarakat di rantau Melayu dengan lebih dekat lagi. Baru-baru ini, Nursha berusaha untuk memperdalam pengetahuannya mengenai dunia kebaya agar dapat mengetengahkan kepentingan warisan dan nilai budaya kebaya. Hai ini juga sejajar dengan pencalonan kebaya oleh Singapura bersama negara-negara rantau untuk diiktiraf dalam senarai Warisan Budaya Tidak Ternilai UNESCO. Di luar bidang pekerjaannya, Nursha sering menyumbangkan masa dan tenaganya untuk sesi-sesi bercerita yang dianjurkan oleh Lembaga Perpustakaan Nasional (NLB).

Sebagai pencinta buku dan Duta Bahasa, Nursha berharap dapat terus memberikan inspirasi kepada belia untuk terus membaca, dan menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan.

Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Selasa, 1 Ogos 2023



Ustaz Nuzhan Halim



Ustaz Nuzhan Halim adalah graduan Universiti Al-Azhar di Kahirah, Mesir. Beliau telah menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera, khusus dalam pengajian Ilmu Tafsir dan Ulum Al-Quran. Kini, beliau bertugas sebagai seorang pegawai eksekutif di Masjid Jamiyah Ar-Rabitah dalam bidang Dakwah dan Pengembangan Belia. Sebagai salah seorang Ahli Majlis bagi Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (PERGAS), beliau telah berkhidmat sebagai Ahli Kehormat majlis dari tahun 2021 hingga 2023. Selain itu, beliau turut bertugas sebagai seorang Naib Kadi yang diiktiraf oleh ROMM.

Beliau banyak mengendalikan program-program pendidikan dan kemasyarakatan yang bersesuaian dengan konteks Singapura yang moden dan berbilang agama. Dengan cara itu, beliau dapat mendekatkan dirinya dengan masyarakat Melayu/Islam supaya dapat terus berkembang. Pada masa yang sama, beliau juga mengadakan kuliah dan program-program yang memberikan tumpuan kepada hubungan keluarga. Beliau terus mempelajari kaitan antara adat dan adab, serta kaitannya dengan Islam.

Sebagai Duta Bahasa, Nuzhan berharap dapat terus menyebarkan keindahan adat, budaya dan bahasa Melayu kepada masyarakat selain menabur bakti.

Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Selasa, 1 Ogos 2023



Syafiqah Adha



Syafiqah 'Adha Sallehin ialah seorang komposer, pemain akordion tradisional Melayu dan seorang pendidik. Beliau meraih Ijazah Sarjana Muda dalam Muzik (dengan kepujian) dan Sarjana dalam Muzik dari Yong Sew Toh Conservatory of Music (YSTCM), Universiti Nasional Singapura pada tahun 2013 dan 2016. Syafiqah juga seorang penerima Anugerah Belia Harapan Goh Chok Tong yang diberikan oleh Mendaki pada tahun 2010 dan Anugerah Jauhari Inspirasi yang diberikan oleh Berita Harian pada tahun 2018.

Syafiqah adalah seorang komposer yang serba boleh, walaupun beliau dilatih secara formal dalam genre muzik kontemporari klasik. Hasil daripada latihannya dalam muzik klasik, dan minatnya dalam muzik tradisional Melayu, Syafiqah dapat mempraktikkan seni muzik yang kreatif. Syafiqah tidak gentar untuk menggunakan muzik sebagai wadah untuk meningkatkan kesedaran terhadap bahasa Ibunda dan budaya Melayu.

Pada tahun 2022, Syafiqah mempersembahkan 'Mbah dan Rebana' yang diilhamkan dari syair karya penulis Melayu Singapura, Hartinah Ahmad, yang pernah memenangi anugerah. Syafiqah juga menubuhkan Gendang Akustika, sebuah kumpulan muzik tradisional Melayu di Singapura.

Sebagai duta bahasa, Syafiqah akan terus meningkatkan kesedaran masyarakat tentang keindahan bahasa dan budaya Melayu melalui muzik.

Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Selasa, 1 Ogos 2023



Lampiran B

Identiti Kreatif Bulan Bahasa 2023



Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Selasa, 1 Ogos 2023



Mengenai Enam Ikon

Identiti kreatif Bulan Bahasa terus menampilkan enam ikon (palari, singa, kancil, gitar, pena dan roket). Selain menandakan pelbagai aspirasi dan cita-cita masyarakat, ikon-ikon tersebut juga saling melengkapi pemahaman tentang warisan dan budaya Melayu kita.

Menurut sejarah, Singapura merupakan pusat pencetakan dan penerbitan yang signifikan yang menghubungkan penulis dengan pembaca serantau. Sastera dan sumbangan penulis setempat merupakan aspek penting dalam bahasa Melayu.

1. Palari – Kapal Palari merupakan kapal laut yang dibina oleh orang-orang Bugis. Kapal laut ini biasanya dikaitkan dengan perdagangan pada abad ke-20 sekali gus melambangkan perdagangan dan perantaraan di Nusantara. Seperti kapal Palari, bahasa Melayu merupakan wadah komunikasi yang menghubungkan anggota masyarakat daripada pelbagai budaya dengan kawasan di Nusantara ini.
2. Singa – Sejarah Melayu menceritakan peristiwa di sebalik nama Singapura yang diberikan oleh Sang Nila Utama setelah beliau menyaksikan keberanian dan kekuatan seekor singa. Seperti seekor singa, kita harus bangga akan identiti dan budaya Melayu.
3. Kancil – Sang Kancil dikenali sebagai watak protagonis dalam beberapa cerita rakyat terkenal seperti 'Sang Kancil dan Buaya' dan 'Sang Kancil dan Gajah'. Pertemuan Sang Kancil dengan haiwan-haiwan hutan mencerminkan kecerdasan pemikiran dan kebolehannya untuk menyesuaikan diri ketika menghadapi cabaran. Kebijaksanaan Sang Kancil boleh dijadikan contoh apabila kita menghadapi cabaran dalam kehidupan.
4. Gitar – Kawasan Nusantara melahirkan ramai seniman yang menghasilkan pelbagai muzik tradisional dan kontemporari. Muzik mampu mencetuskan perasaan, membuatkan seseorang merenung nilai dirinya dan mengeratkan hubungan sesama individu. Seperti muzik, penggunaan bahasa Melayu dapat menghubungkan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan usia.

Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Selasa, 1 Ogos 2023



5. Pena – Pena merupakan lambang warisan persuratan, manakala dakwat yang kekal menunjukkan cita-cita kita supaya bahasa Melayu terus menjadi elemen budaya dan warisan kita.

6. Raket – Raket melambangkan perubahan, inovasi dan kepelbagaian. Raket juga melambangkan keinginan kita untuk menyebarkan dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu melalui cara-cara yang menarik dan inovatif. Kita digalakkan agar terus meneroka cara-cara dan wadah baharu supaya dapat melestarikan penggunaan bahasa Melayu di Singapura.

Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Selasa, 1 Ogos 2023



Lampiran C

Kolateral Bulan Bahasa 2023

Bas Bulan Bahasa



Penanda Buku dan Fail Bulan Bahasa



Pengumuman Media
Diembargo sehingga 5.00ptg, Selasa, 1 Ogos 2023



~ ~ ~

Mengenai Bulan Bahasa anjuran Majlis Bahasa Melayu, Singapura

Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan diadakan dua tahun sekali. Sejak 2011, ia menjadi sambutan tahunan yang terus menarik minat, penyertaan dan sokongan masyarakat.

Sebagai daya usaha unggul MBMS, Bulan Bahasa menggalakkan masyarakat menghargai dan menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka dalam usaha melestarikan warisan masyarakat Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai MBMS dan Bulan Bahasa, sila lungsur mbms.sg, [@bulanbahasa](https://www.instagram.com/bulanbahasa) di Instagram dan [facebook.com/majlisbahasa](https://www.facebook.com/majlisbahasa).